




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 233 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 50,214 kes. Tiga (3) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Tuaran, satu (1) kes daerah Tawau dan satu (1) kes di daerah Kalabakan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Pada hari ini, seramai 288 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 47,578 orang. Sejumlah 1,745 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 711 orang di hospital, 1,027 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tujuh (7) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 81 orang dan 25 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Pitas bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, **satu (1)** kluster baharu dilaporkan.

**Kluster Jalan Chester di Tawau** mencatatkan pertambahan tujuh (7) kes positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 10 kes. Kes indeks merupakan seorang jurujual di kedai emas di pusat bandar disahkan positif hasil saringan bergejala pada 2 Februari 2021. Hasil saringan kontak rapat, sembilan (9) lagi kes positif COVID-19 telah dikesan bagi kluster ini. Aktiviti pengesanan masih giat dijalankan.

- 5 Daripada 233 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 166 kes (71.3%) adalah berpuncu dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 22 kes (9.4%), saringan kluster baharu dan sedia ada 24 kes (10.3%) dan 21 kes (9%) adalah dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,088 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,121 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 28.51%.

## **B BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Bagi bantuan Prihatin COVID-19 2.0 sehingga 6 Februari 2021, sebanyak **6,929** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan.

## **C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 34,245 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 34 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiga (3) tangkapan dibuat dan 26 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 62 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 211 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 59 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, dua (2) tangkapan dibuat oleh APMM. Tangkapan pertama melibatkan kesalahan di bawah Enakmen Lembaga Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002 dan satu (1) lagi tangkapan di bawah Akta Kastam 1967.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan tiga (3) premis, di dua (2) buah daerah iaitu Daerah Kota Kinabalu dan Semporna.

- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 85 lokasi melibatkan 11 daerah dengan hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa Etnik Sabah.
  
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 164 hebahan di seluruh Sabah.

**D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Tenom	94%
3	Ranau	94%
4	Kunak	94%
5	Kota Belud	94%
6	Beluran	94%
7	Kinabatangan	93%
8	Beaufort	93%
9	Tuaran	93%
10	Kota Marudu	93%
11	Kudat	93%
12	Keningau	92.5%
13	Semporna	92%
14	Lahad Datu	92%
15	Penampang	91.5%
16	Kota Kinabalu	91.5%
17	Sandakan	91.5%
18	Tawau	91.5%
19	Papar	91%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**Masyarakat diingatkan agar terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan tidak mengadakan sebarang aktiviti sosial semasa PKP ini bagi membendung penularan pandemik Covid19.**

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
6 Februari 2021**